



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA



PENGENALAN:
PERUNDANGAN, PERATURAN, PEKELILING
SERTA
LAIN-LAIN DOKUMEN RUJUKAN

TARIKH : 25 Ogos 2020 | Selasa |
TEMPAT : CREaTE, ALOR GAJAH MELAKA

Ir. NASRUL HAMIMI BIN HUSSIN
Jurutera Elektrik
Unit Tentera JKR Melaka

PERKONGSIAN MAKLUMAT



AKTA??

- **Akta** - Peruntukan undang-undang di bawah proses Parlimen.
- Diperkenan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- Perundangan Utama (Akta) & Perundangan Subsidiari: Tambahan Perundangan A : PU(A) - (Perintah², Peraturan², Kaedah², Undang² Kecil) / Tambahan Perundangan B : PU(B) - (Selain PU(A))
- Contoh akta-akta yang diluluskan oleh Parlimen;
 - i. Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138)
 - ii. Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Akta 126)
 - iii. Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139)
 - iv. Akta Suruhanjaya Tenaga (Akta 610)
 - v. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)
 - vi. **Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447)**
 - vii. dan lain-lain

SEJARAH

- **1949** - Akta Elektrik 1949 (Akta 116)
- **1951** - Peraturan-Peraturan Elektrik 1951
- **1983** - Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 (Akta 277) – Pindaan Akta 116
- **1984** - Peraturan Jemaah Pemeriksa Elektrik 1984
- **1990** - Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) : **Memansuhkan Akta 116 & 277**
 - * **Perintah Penggantungan Kuat Kuasa Akta (Sarawak) 1990 (PU(A) 272/1990)**
- **1990** - Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 1990
- **1994** - Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 : **Membatalkan PPE 1990**
- **1994** - Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 - Pembetulan
- **1994** - Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 1994


SEJARAH

- 1995 - Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 1995
 - 1998 - Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 1998
 - 1999 - Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 1999
 - 2001 - Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2001 (Akta A1116)
 - 2003 - Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 2003
 - 2013 - Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 2013
 - 2014 - Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) 2014
 - 2014 - Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) (No.2) 2014
 - 2015 - Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015 (Akta A1501)
- * ABE 1990 disebut sebagai Akta Ibu

AKTA BEKALAN ELEKTRIK

- Akta untuk kawal selia industri pembekalan elektrik, pembekalan elektrik pada harga yang munasabah, pelesenan mana-mana pemasangan elektrik, pengawalan mana-mana pemasangan, loji dan kelengkapan elektrik berhubung dengan keselamatan awam dan penggunaan elektrik dengan cekap.

*Akta Ibu



SUSUNAN SEKSYEN

BHG I - PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BHG II - (DIBATALKAN)

Seksyen

3. (Dipotong)

BHG III - FUNGSI, TUGAS & KUASA SURUHANJAYA

Seksyen

4. Fungsi dan Tugas.
 - 4A. Pegawai diberi kuasa.
5. Kuasa memasuki dengan waran atau selainnya memeriksa, memeriksa teliti, menyita, dsb.

SUSUNAN SEKSYEN

BHG III - FUNGSI, TUGAS & KUASA SURUHANJAYA – samb.

Seksyen

- 5A. Kos memegang benda yang disita.
- 5B. Pelepasan benda yang disita.
- 6. Kuasa menyiasat.
- ~~7. Kebolehterimaan pernyataan. (Dipotong)~~
- 8. Halangan, dsb suatu kesalahan.

BHG IV - PEPASANGAN BERLESEN & BERDAFTAR

Seksyen

- 9. Lesen dikehendaki bagi penggunaan pemasangan: terma, syarat dan kandungan lesen.
 - 9A. Obligasi intuk mengemukakan pelan perniagaan.
 - 9B. Kehendak bagi pelesenan.
 - 9C. Standard prestasi pembekalan dan perkhidmatan oleh pemegang lesen.

SUSUNAN SEKSYEN

BHG IV - PEPASANGAN BERLESEN & BERDAFTAR – samb.

Seksyen

- 9D. Akaun tahunan yang sepatutnya oleh pemegang lesen.
- 9E. Perkiraan bagi perolehan elektrik.
- 10. Kuasa untuk memasuki dan memeriksa teliti tanah.
- 11. Kuasa untuk memasuki tanah bagi maksud pembinaan.
- 12. Talian bekalan dan kelengkapan lain di atas tanah Kerajaan.
- 13. Penyenggaraan, pembaikan dan peningkatan pemasangan.
- 14. Pengalihan atau pengubah pindaan talian bekalan, dsb.
- 15. Kecualian bagi perjanjian izin lalu.
- 16. Pampasan.
- 17. Pengurangan atau penghentian bekalan: liabiliti.
- 18. Cagaran: penggantungan dan pembatalan lesen.
- 19. Sekatan penggunaan untuk maksud yang dinyatakan.
- 20. Pengecualian kelengkapan daripada distres dan penahanan.

SUSUNAN SEKSYEN

BHG IV - PEPASANGAN BERLESEN & BERDAFTAR – samb.

Seksyen

- 21. Pendaftaran pemasangan.
- 22. Pemeriksaan berkala pemasangan.
 - 22A. Pengendali Sistem
 - 22B. Pembeli Tunggal

BHG V - KAWALAN KOMPETEN

Seksyen

- 23. Orang-orang yang menjaga.

BHG VA - PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CEKAP

Seksyen

- 23A. Menteri hendaklah menentukan standard, dll.
- 23B. Pemasangan hendaklah memenuhi kehendak.

SUSUNAN SEKSYEN

BHG VA - PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CEKAP – samb.

Seksyen

23C. Kelengkapan hendaklah memenuhi kehendak.

23D. Pendaftaran orang yang memberikan perkhidmatan yang berhubungan dengan penggunaan elektrik dengan cekap.

BHG VI - PEMBEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

Seksyen

24. Kewajipan membekal apabila diminta.

25. Kekecualian kepada kewajipan membekalkan elektrik.

26. Kuasa untuk menetapkan tarif dan caj.

26A. Pemegang lesen boleh mengenakan surcaj.

27. Kuasa mendapatkan kembali perbelanjaan.

28. Kuasa menghendaki cagaran.

28A. Pemulangan cagaran dengan bunga.

SUSUNAN SEKSYEN

BHG VI - PEMBEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN – samb.

Seksyen

28B. Perjanjian pembekalan dengan pengguna.

29. Perjanjian khas mengenai bekalan.

30. Penentuan pertikaian.

30A. Pemberitahuan pertikaian dan keputusan mengikat oleh Suruhanjaya.

30B. Daftar keputusan.

31. Pemastian harga maksimum bagi penjualan semula elektrik.

32. Caj bagi bekalan elektrik hendaklah ditentukan melalui meter yang sesuai.

BHG VII - PEMBERITAHUAN KEMALANGAN ATAU KEBAKARAN

Seksyen

33. Kemalangan serius hendaklah dilaporkan. Penyiasatan oleh Suruhanjaya.

SUSUNAN SEKSYEN

BHG VIIA – KESELAMATAN PEPASANGAN DAN KELENGKAPAN Seksyen

- 33A. Tanggungjawab pemegang lesen terhadap keselamatan
- 33B. Tanggungjawab pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik, pemegang lesen bagi jualan dan pemegang lesen bagi pemasangan persendirian bagi keselamatan.
- 33C. Menjalankan kerja elektrik.
- 33D. Tanggungjawab yang berhubungan dengan kerja selain kerja elektrik.
- 33E. Pematuhan pemeriksaan.
- 33F. Tafsiran.

SUSUNAN SEKSYEN

BHG VIII - SIASATAN & TIMBANGTARA

Seksyen

- 34. Prosedur berhubungan dengan siasatan dan timbangtara.
- 35. Kuasa mengadakan siasatan.
- 36. Timbangtara.

BHG IX - KESALAHAN & PENALTI

Seksyen

- 37. Kesalahan-kesalahan.
 - 37A. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.
 - 37B. Kesalahan cubaan dan subahat.
- 38. Pemotongan bekalan elektrik.
- 39. Liabiliti tidak terjejas.
- 40. Beban pembuktian.
- 41. Pampasan kerana kerosakan.

SUSUNAN SEKSYEN

BHG IX - KESALAHAN & PENALTI – samb.

Seksyen

42. Pendakwaan.

43. Pengkompaunan.

44. Hadiah untuk maklumat.

44A. Penggunaan talian bekalan, dsb., bagi maksud komunikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

BHG IXA- KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Seksyen

44B. Sumbangan oleh pemegang lesen.

44C. Kumpulan Wang Industri Elektrik.

44D. Pelaburan.

44E. Akaun.

SUSUNAN SEKSYEN

BHG X - AM

Seksyen

- 45. Langkah awasan semasa melaksanakan kerja.
 - 45A. Pengauditan pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestic.
 - 45B. Penentuan standard pemasangan atau kelengkapan.
 - 45C. Penyimpanan rekod dan dokumen.
- 46. Gangguan elektrik terhadap talian pengisyarat kerajaan.
- 47. Langkah awasan terhadap elektrik atmosfera.
- 48. Sekatan terhadap sambungan dengan bumi.
- 49. Prosedur dalam hal kecacatan berbahaya pada pemasangan atau bahagiannya.

SUSUNAN SEKSYEN

BHG X – AM – samb.

Seksyen

50. Larangan mengambil kanak-kanak bekerja.

50A. Pembangunan kod oleh Suruhanjaya dan Pematuhan baginya.

50B. Penahanan dokumen oleh Suruhanjaya.

50C. Garis Panduan atau arahan oleh Suruhanjaya.

50D. Perubahan, kajian semula atau pembatalan kod, garis panduan atau arahan oleh Suruhanjaya.

50E. Kesalahan bagi ketidakpatuhan kos, garis panduan atau arahan suruhanjaya.

50F. Daftar kod, garis panduan atau arahan.

51. Kuasa-kuasa khas darurat.

52. Kuasa untuk mengisytiharkan sumber-sumber air.

52A. Jaminan maklumat infrastruktur bekalan.

52B. Obligasi untuk memberikan maklumat.

SUSUNAN SEKSYEN

BHG XI - KUASA UNTUK MEMBUAT PERATURAN-PERATURAN

Seksyen

- 53. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

BHG XII - PELBAGAI

Seksyen

- 54. Pengecualian.
- 55. Peruntukan peralihan dan sekatan yang dikenakan pada lesen yang dikeluarkan sebelum akta ini.
- 56. Pemansuhan Akta Elektrik 1949 dan Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 dan kecualian berkenaan dengannya.

JADUAL-JADUAL

BAHAGIAN I : SEKSYEN 1

BAHAGIAN I - PERMULAAN

Seksyen 1 : Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian

Tajuk Ringkas

- Akta Bekalan Elektrik 1990 : disebut **Akta Ibu** kepada Akta Bekalan Elektrik (Pindaan) 2001 & 2015

Mula Kuatkuasa

- 1 September 1990 (ABE 1990)
- 2 Januari 2002 (ABE (Pindaan) 2001)
- 1 Januari 2016 (ABE (Pindaan) 2015)

Pemakaian

- Terpakai : S'jung Malaysia dan Sabah
- Sarawak : Akta Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak 1983

Menteri boleh menggantung penguatkuasaan keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta ini di mana-mana negeri.

**PU(A) 272/1990 -
Perintah
Penggantungan Kuat
Kuasa Akta
(Sarawak) 1990**



BAHAGIAN I : SEKSYEN 2

BAHAGIAN I - PERMULAAN Seksyen 2 : Tafsiran

Orang Kompeten

Orang yang memegang perakuan kekompetenan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya untuk melaksanakan kerja mengikut sekatan-sekatan yang dinyatakan di dalam perakuan itu.

Pemasangan

Kelengkapan di bawah satu pemunyaan yang direkabentuk bagi pembekalan atau penggunaan elektrik.

Elektrik

Tenaga elektrik @ kuasa elektrik apabila dijana, dikeluarkan, dihantar, diagihkan, dibekalkan atau digunakan kecuali bagi maksud penghantaran apa-apa komunikasi @ isyarat.

BAHAGIAN I : SEKSYEN 2

BAHAGIAN I - PERMULAAN Seksyen 2 : Tafsiran

Pemasangan Awam

Pemasangan yang dikendalikan oleh pemegang lesen bagi membekalkan elektrik kepada mana-mana orang selain daripada pemegang lesen.

Pemegang Lesen

Orang yang dilesenkan di bawah Seksyen 9.

Pihak Berkuasa Bekalan

Mana-mana pihak berkuasa berkanun yang ditubuhkan oleh Akta Parlimen @ undang-undang lain untuk menjanakan dan membekalkan elektrik.

BAHAGIAN III : SEKSYEN 4

BAHAGIAN III - FUNGSI, TUGAS & KUASA SURUHANJAYA Seksyen 4 : Fungsi & Tugas

**19

Kawal Selia Ekonomi

- Menggalakkan kecekapan dan keekonomian dalam segala proses berkaitan elektrik bagi memastikan pengendalian pasaran secara adil dan cekap.

Kawal Selia Teknikal

- Memastikan keberterusan bekalan elektrik yang terjamin dan berkualiti.

Kawal Selia Keselamatan

- Melindungi orang awam dari bahaya yang timbul dari penjanaan, penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik.

Perlindungan Pengguna

- Melindungi pengguna dalam penyelesaian pertikaian, kemampuan terhadap perkhidmatan dan bekalan serta perkhidmatan yang berkualiti dari syarikat pembekal tenaga.

BAHAGIAN III : SEKSYEN 8

BHG III - FUNGSI, TUGAS & KUASA SURUHANJAYA Seksyen 8 : Halangan, dsb. Suatu kesalahan

- Menghalang / enggan bekerjasama / tidak benar akses kepada mana-mana tempat / beri maklumat palsu - pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor melaksanakan apa-apa tugas yang termaktub dalam Akta ini – satu kesalahan

Apabila disabitkan;

- Denda tidak melebihi **RM 50,000.00** atau **penjara tidak lebih 3 tahun** atau kedua-duanya sekali.



Dipinda

ABE 1990 (Akta Ibu)

Denda tidak melebihi RM 5,000.00 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN IV : SEKSYEN 9

BHG IV – PEPASANGAN BERLESEN & BERDAFTAR

Seksyen 9 : Lesen dikehendaki bagi penggunaan pepasangan: terma, syarat dan kandungan lesen

-  Tiada seorang pun selain daripada pihak berkuasa bekalan, boleh;
 - a) menggunakan, mengerjakan atau mengendalikan atau membenarkan diguna, dikerja atau dikendalikan apa-apa pepasangan; atau
 - b) membekalkan elektrik daripada mana-mana pepasangan bagi kegunaan orang lain,
-  kecuali **satu lesen dikeluarkan oleh Suruhanjaya.**

BAHAGIAN IV : SEKSYEN 10

BHG IV – PEPASANGAN BERLESEN & BERDAFTAR

Seksyen 10 : Kuasa untuk memasuki dan memeriksa- teliti tanah

Subseksyen 1-3;

- 1) Pemegang lesen dibenarkan memasuki tanah selepas beri notis 24 jam kepada penduduk tanah untuk membuat pengukuran (memastikan kesesuaian tanah) bagi maksud membina sesuatu pepasangan.
- 2) Tidak dibenarkan mana-mana orang memotong atau membuang apa-apa tumbuhan / pagar / binaan atau memasuki mana-mana bangunan / kepungan.
- 3) Jika tanah rezab, notis seperti subseksyen (1) diberikan kepada pegawai / orang yang menjaga tanah. Jika tiada, kepada Pentadbir Tanah Daerah.

BAHAGIAN IV : SEKSYEN 11 - 12

BHG IV – PEPASANGAN BERLESEN & BERDAFTAR

Seksyen 11 : Kuasa untuk memasuki tanah bagi maksud pembinaan

- Subseksyen 1-10 : pemegang lesen dibenarkan meletakkan, menempatkan, membawa di atas, di bawah – tiang, kelengkapan dll bagi maksud memasang sistem pengagihan – bayar pampasan di bawah seksyen 16

Seksyen 12 : Talian bekalan dan kelengkapan lain di atas tanah Kerajaan

- Subseksyen 1-2 : pepasangan di atas tanah Negeri, jika tidak mengalihkan kelengkapan dlm masa 6 bulan drp tempoh yg dibenarkan - kelengkapan itu menjadi harta Kerajaan Negeri

BAHAGIAN IV : SEKSYEN 13 - 14

BHG IV – PEPASANGAN BERLESEN & BERDAFTAR

Seksyen 13 : Penyenggaraan, pembaikan dan peningkatan pemasangan

- Untuk tujuan di atas, pemegang lesen atau orang yang diberi kuasa olehnya boleh memasuki mana2 tanah berkenaan & menjalankan apa2 kerja yang perlu, jika ada kerosakan – bayar pampasan seperti dalam seksyen 16

Seksyen 14 : Pengalihan atau pengubah-pindaan talian bekalan

- Subseksyen 1-5 : pemunya tanah boleh menghendaki pengalihan talian ke bahagian lain tanah itu dengan syarat2 tertentu. Jika pemegang lesen tidak mematuhi kehendak itu, orang itu boleh mohon budi bicara Pihak Berkuasa Negeri – menyiasat & membuat perintah

BAHAGIAN IV : SEKSYEN 15 - 17

BHG IV – PEPASANGAN BERLESEN & BERDAFTAR

Seksyen 15 : Kecualian bagi perjanjian izin-lalu

- Subseksyen 1-6 : pemegang lesen boleh membuat perjanjian izin-lalu dengan pemunya atau penduduk manaz tanah – talian bekalan dan menerangkan perkaraz yg berkaitan dengannya

Seksyen 16 : Pampasan

- Subseksyen 1-2 : pampasan (jika ada) hendaklah ditaksirkan oleh Pentadbir Tanah Daerah selepas siasatan dibuat – seperti dalam Jadual ketiga

Seksyen 17: Pengurangan atau pemberhentian bekalan liabiliti

- Subseksyen 1-3 : pengurangan atau perberhentian bekalan elektrik sebab-sebab luar jangka

BAHAGIAN IV : SEKSYEN 17 - 19

BHG IV – PEPASANGAN BERLESEN & BERDAFTAR

Seksyen 17: Pengurangan atau pemberhentian bekalan liabiliti – samb.

- Subseksyen 4 : pemegang lesen hendaklah membetulkan atau memperbaiki apa-apa kerosakan untuk memastikan keberterusan pembekalan elektrik dan jika berkenaan, membayar pampasan bagi apa-apa kerosakan jika kerosakan adalah akibat daripada kecuaian pemegang lesen, ejen atau pekerjanya.

Seksyen 18 : Cagaran: penggantungan & pembatalan lesen

- Subseksyen 1-4 : Sebelum Suruhanjaya mengeluarkan lesen, boleh menghendaki cagaran & lesen boleh digantung atau dibatalkan oleh ST atas pelanggaran syarat lesen.

Seksyen 19 : Sekatan penggunaan utk maksud yg dinyatakan

- membekalkan elektrik mengikut syarat2 yang dinyatakan dalam lesen.

BAHAGIAN IV : SEKSYEN 21

BHG IV – PEPASANGAN BERLESEN & BERDAFTAR

Seksyen 21 : Pendaftaran pemasangan

Subseksyen 1 : Sebelum siapnya sesuatu pemasangan baru, selain pemasangan yang dipunyai oleh pihak berkuasa bekalan atau pemegang lesen, pemunya pemasangan hendaklah kemukakan permohonan pendaftaran (dengan pendua) kepada Suruhanjaya.

Subseksyen 1A : Suruhanjaya hendaklah menyebabkan pemeriksaan dan ujian dibuat dalam tempoh yang ditetapkan, jika memuaskan kehendak akta, Perakuan Pendaftaran akan dikeluarkan.

perakuan pendaftaran boleh dibatalkan (bawah seksyen 53) & tidak boleh dipindahmilik tanpa kebenaran suruhanjaya.

BAHAGIAN IV : SEKSYEN 22

BHG IV – PEPASANGAN BERLESEN & BERDAFTAR

Seksyen 22 : Pemeriksaan berkala pemasangan

Membina, membesarkan atau mengubahpinda pemasangan, perlu beri notis pada Suruhanjaya – boleh memeriksa secara berkala pemasangan tersebut. Apabila siap, perlu periksa secara berkala sebagaimana yang ditetapkan.

BAHAGIAN V : SEKSYEN 23

BHG V – KAWALAN KOMPETEN

Seksyen 23 : Orang-orang yang menjaga

Subseksyen 1-2;

-  Hanya orang yang memiliki kelayakan dan memegang perakuan kekompetenan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya boleh mengerjakan atau mengendalikan sesuatu pemasangan atau loji atau kelengkapan elektrik.
-  Pelanggaran seksyen ini – melakukan kesalahan, apabila disabitkan : denda tidak melebihi RM10,000. Jika pelanggaran diteruskan RM1,000 bagi tiap-tiap hari.

BAHAGIAN VA : SEKSYEN 23A – 23C

BHG VA – PENGGUNAAN ELEKTRIK DENGAN CEKAP

Seksyen 23A : Menteri hendaklah menentukan standard, dll

- Menetapkan standard, spesifikasi, amalan & langkah berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap.

Seksyen 23B : Pepasangan hendaklah memenuhi kehendak

- Pepasangan hendaklah memenuhi kehendak penggunaan elektrik dengan cekap.

Seksyen 23C : Kelengkapan hendaklah memenuhi kehendak

- Tiada seorang pun boleh mengilang, mengimport, menjual atau menawarkan untuk menjual atau memajakan kelengkapan melainkan jika kelengkapan itu memenuhi kehendak penggunaan elektrik dengan cekap.

BAHAGIAN VI : SEKSYEN 24

BHG VI – PEMBEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

Seksyen 24 : Kewajipan membekal apabila diminta

Subseksyen 1-5;

Jika mana-mana pemunya atau penduduk premis mohon bekalan – pemegang lesen perlu beri & mengadakan talian atau loji atau kelengkapan perkara-perkara yang perlu dimaklumkan kepada pihak pembekal bagi memohon bekalan elektrik – alamat premis, tarikh dikehendaki, MD, tempoh minimum bekalan dikehendaki.

Subseksyen 6;

Mana-mana orang yang menghalang, mencegah atau menggalang pembekalan/pemotongan elektrik daripada pemegang lesen kepada pengguna atau menyebabkan pembekalan elektrik kepada pengguna dipotong. Jika disabit:

'Denda tidak melebihi RM 100,000.00 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya sekali.'

BAHAGIAN VI : SEKSYEN 25

BHG VI – PEMBEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

Seksyen 25 : Kekecualian kpd kewajipan membekalkan elektrik

Jika bekalan elektrik di premis itu telah diberi oleh pemegang lesen yang lain.

Jika diberikan bekalan elektrik boleh melibatkan pelanggaran apaz peraturan bawah Akta ini.

* Merujuk kepada seksyen 24

BAHAGIAN VI : SEKSYEN 26 - 27

BHG VI – PEMBEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

Seksyen 26 : Kuasa untuk menetapkan tariff dan caj

- Suruhanjaya boleh menentukan tariff dan caj untuk dilevikan dengan kelulusan Menteri.

Pemegang lesen hendaklah mengemukakan cadangan tariff dan caj kepada Suruhanjaya.

Seksyen 26A : Pemegang lesen boleh mengenakan surcaj

- Pemegang lesen boleh mengenakan surcaj bagi pembayaran lewat tertakluk kepada syarat & kadar yang ditetapkan bagi pembayaran lewat.

Seksyen 27 : Kuasa mendapatkan kembali perbelanjaan

- Pemegang lesen boleh menghendaki pembayaran (sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya) oleh orang yang menghendaki bekalan elektrik.

BAHAGIAN VI : SEKSYEN 28 – 28B

BHG VI – PEMBEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

Seksyen 28 : Kuasa menghendaki cagaran

- Pemegang lesen boleh menghendaki cagaran munasabah daripada orang yang menghendaki bekalan elektrik – boleh menolak permohonan kiranya jika gagal memberi cagaran.

Seksyen 28A : Pemulangan cagaran dgn bunga

Seksyen 28B : Perjanjian pembekalan dengan pengguna

- Seseorang yang memohon pembekalan elektrik daripada pemegang lesen hendaklah membuat suatu perjanjian bagi pembekalan elektrik atas terma dan syarat sebelum elektrik dibekalkan.

Kandungan perjanjian sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN VI : SEKSYEN 30 -31

BHG VI – PEMBEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

Seksyen 30 : Penentuan pertikaian

- Jika mana-mana pihak ada pertikaian mengenai bekalan elektrik di bawah seksyen 9E, 17, 24 hingga 29, 32 hendaklah cuba diselesaikan melalui perundingan kedua belah pihak.

Jika tidak mencapai suatu persetujuan, boleh cari penyelesaian melalui jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya.

● Seksyen 31 : Pemastian harga maksimum bg penjualan semula elektrik

Subseksyen 1-4 : Jika jual semula melebihi harga maksimum, perlu memulangkan lebihan amaun tersebut.

BAHAGIAN VI : SEKSYEN 32

BHG VI – PEMBEKALAN OLEH PEMEGANG LESEN

Seksyen 32 : Caj bagi bekalan elektrik hendaklah ditentukan melalui meter yang sesuai

- Subseksyen 1-5 : Bekalan diberi menerusi & kuantiti elektrik ditentukan melalui meter yg sesuai, meter diadakan dgn cara jualan, sewa atau pinjaman.
- Meter hendaklah dipasang, ditentu ukur, diuji, dan disenggara sebagaimana yang ditetapkan.
- Jika pengguna enggan mendapatkan bekalan menerusi meter yang sesuai, pemegang lesen boleh enggan memberikan / memberhentikan bekalan.



Accurate Measurement, Quality Performance



BAHAGIAN VII : SEKSYEN 33

BHG VII – PEMBERITAHUAN KEMALANGAN ATAU KEBAKARAN

Seksyen 33 : Kemalangan serius hendaklah dilaporkan. Penyiasatan oleh Suruhanjaya.

Subseksyen 1-5 : Kemalangan serius hendaklah dilaporkan. Penyiasatan oleh ST.
Seksyen 33(2) – ST perlu mengarahkan pegawai yg diberi kuasa supaya:

Lawat tempat kejadian, menyiasat, rekod hasil siasatan & gambar2, dapatkan gambar/laporan perubatan/dokumen yang relevan daripada pihak berkuasa yang lain, kemuka laporan kepada ~~Pengerusi~~ (Ketua Pegawai Eksekutif), jika mangsa maut, hantar salinan laporan kepada majistret yang terdekat.

(3) Tidak boleh ganggu lokasi kejadian sehingga selesai siasatan oleh ST.



BHG. VIIA : SEKSYEN 33A, 33B

BHG VIIA – KESELAMATAN PEPASANGAN & KELENGKAPAN

Seksyen 33A : T/j pemegang lesen terhadap keselamatan

Seksyen 33B : T/j pemunya atau pengendali pemasangan elektrik bukan domestik, pemegang lesen bagi jualan dan pemegang lesen bagi pemasangan persendirian bagi keselamatan



Pemegang lesen perlu sediakan pelan pengurusan keselamatan dan program pengurusan keselamatan.

Gagal sediakan;

'Denda tidak melebihi RM 100,000.00 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya.'

BHG. VIIA : SEKSYEN 33C, 33D

BHG VIIA – KESELAMATAN PEPASANGAN DAN KELENGKAPAN **Seksyen 33C : Menjalankan Kerja Elektrik**

Seorang orang kompeten atau orang di bawah kawalan orang kompeten yang menjalankan kerja elektrik hendaklah memastikan bahawa kerja elektrik itu mematuhi apa-apa peraturan yang dibuat di bawah akta ini.

Seksyen 33D : T/j yang berhubungan dengan kerja selain kerja elektrik

Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa pembinaan, pembangunan, pengubahsuaian atau kerja selain kerja elektrik berhampiran dengan pemasangan elektrik hendaklah memastikan kerja itu tidak menyebabkan gangguan kepada bekalan elektrik atau kecederaan berhubung elektrik kepada manaz orang atau harta benda.

BHG. VIIA : SEKSYEN 33D, 33E

BHG VIIA – KESELAMATAN PEPASANGAN DAN KELENGKAPAN
Seksyen 33D : T/j yang berhubungan dengan kerja selain kerja elektrik – samb.

Mana-mana orang yang melanggar perkara tersebut, boleh dikenakan;

'Denda tidak melebihi RM 25,000.00, jika kesalahan berterusan denda tidak melebihi RM 500/hari.

Seksyen 33E : Pematuhan pemeriksaan

Suruhanjaya boleh memeriksa suatu infrastruktur bekalan elektrik, pemasangan elektrik bukan domestic atau tempat perniagaan dll.

BAHAGIAN VIII : SEKSYEN 34 - 35

BHG VIII – SIASATAN & TIMBANGTARA

Seksyen 34 : Prosedur berhubungan dgn siasatan & timbangtara

Subseksyen 1-6 : Jika berlaku perselisihan pendapat diantara pemegang lesen/pihak pengurusan/pemunya mana-mana pemasangan/kelengkapan dengan pegawai diberi kuasa – hendaklah rujuk kepada ST.

Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan yang dibuat oleh ST, boleh mohon kepada menteri untuk pertimbangan semula.

Seksyen 35 : Kuasa mengadakan siasatan

Suruhanjaya atau orang yang dilantik Menteri bawah seksyen 34(3), mempunyai kuasa mengendalikan sumpah & ikrar.

BAHAGIAN VIII & IX: SEKSYEN 36 - 37

BHG VIII – SIASATAN & TIMBANGTARA

Seksyen 36 : Timbangtara

Subseksyen 1-4 : Perkara ditentukan oleh suatu lembaga terdiri drp 1 atau 3 penimbangtara yang dipilih oleh pihak2 berkenaan.

BHG IX – KESALAHAN & PENALTI

Seksyen 37 : Kesalahan-kesalahan

Subseksyen 1-16 :

Seksyen 37 (4) – guna, kerja atau kendali tanpa lesen

Seksyen 37 (8) – gagal atau abai mendaftar pemasangan

Seksyen 37 (9) – padam atau rosak lampu awam....

Seksyen 37 (10) – lekat iklan, bil, notis

Seksyen 37 (11) – merosakkan talian bekalan....

Seksyen 37 (12) – membuat aktiviti berhampiran pemasangan pemegang lesen...

Seksyen 37 (13 a) – pendawaian/sambungan tanpa kelulusan bertulis...

BAHAGIAN IX : SEKSYEN 38 - 40

BHG IX – KESALAHAN & PENALTI

Seksyen 38 : Pemotongan bekalan elektrik

Subseksyen 1-5 : Melakukan kesalahan 37(1), 37(3) atau 37(14), pemegang lesen boleh memotong bekalan dengan beri notis tidak kurang 48 jam.

Seksyen 40 : Beban pembuktian

Pendakwaan bagi mana-mana kesalahan bawah seksyen 37(3) * bukti hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa telah ada pengubah pindaan dengan meter dll.

* Mengambil elektrik/guna habis elektrik/guna elektrik/ubah meter dengan cara yang salah.

BAHAGIAN IX : SEKSYEN 41 - 42

BHG IX – KESALAHAN & PENALTI

Seksyen 41 : Pampasan kerana kerosakan

Subseksyen 1-2 : Mana-mana orang yang alih, musnah, rosakkan dengan sengaja atau selainnya pemasangan lampu awam dll, ditanggungkan dengan pembayaran pampasan penuh bagi kerosakan yang telah dilakukannya dan pampasan boleh didapatkan kembali melalui tindakan atau guaman sivil.

Seksyen 42 : Pendakwaan

Pendakwaan bagi kesalahan bawah Akta ini boleh dijalankan dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya.



BHG. IX_A : SEKSYEN 44_B – 44_E

BHG IX_A – KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Seksyen 44_B : Sumbangan oleh pemegang lesen

Seksyen 44_C : Kumpulan Wang Industri Elektrik

Seksyen 44_D : Pelaburan

Seksyen 44_E : Akaun

BAHAGIAN X : SEKSYEN 48

BHG X – AM

Seksyen 45-52

Seksyen 48 : Sekatan terhadap sambungan dengan bumi

Subseksyen 48(1) :

“Tiada seorang pun boleh, semasa penjanaan, penghantaran, pembekalan atau penggunaan elektrik, membenarkan mana2 bahagian talian bekalannya disambung dengan bumi kecuali sebagaimana ditetapkan melalui peraturan2 bawah Akta ini atau dibenarkan dengan nyata oleh ST”

BAHAGIAN X : SEKSYEN 49 - 50

BHG X – AM

Seksyen 49 : Prosedur dalam hal kecacatan berbahaya pada pemasangan atau bahagiannya

Subseksyen 49(2);

“Menyedari apaz kecacatan & mungkin menyebabkan bahaya, serta-merta baiki atau hapus kecacatan atau lapor kpd ST”

Seksyen 50 : Larangan mengambil kanak-kanak bekerja

Seksyen 50(1) : Di bawah 16 tahun



BAHAGIAN XI: SEKSYEN 53-56

BHG XI – KUASA UNTUK MEMBUAT PERATURAN₂

Seksyen 53 : Kuasa Untuk Membuat Peraturan-Peraturan *₃₇

Peraturan₂ Bekalan Elektrik 1990

Peraturan₂ Elektrik 1994

Peraturan₂ Elektrik 1994 - Pembetulan

Peraturan₂ Elektrik (Pindaan) 1994

Peraturan₂ Elektrik (Pindaan) 1995

Peraturan₂ Elektrik (Pindaan) 1998

Peraturan₂ Elektrik (Pindaan) 1999

Peraturan₂ Elektrik (Pindaan) 2003

Peraturan₂ Elektrik (Pindaan) 2013

Peraturan₂ Elektrik (Pindaan) 2014

Peraturan₂ Elektrik (Pindaan) (No.2) 2014

BAHAGIAN XI: SEKSYEN 53-56

BHG XI – KUASA UNTUK MEMBUAT PERATURAN₂

Seksyen 56 : Pemansuhan Akta Bekalan Elektrik 1949 dan Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983 dan kecualian berkenaan dengannya


Seksyen 56(1) : Akta 116 dan Akta 277 dimansuhkan

Seksyen 56(2) : Peraturan yang dibuat di bawah akta 277 dibatalkan atau digantikan oleh peraturan₂ yang dibuat di bawah akta ini.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

- Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 – kuatkuasa pada 30 Januari 1994
- Peraturan-Peraturan Elektrik (Pindaan) (No.2) 2014 - kuatkuasa pada 23 Mei 2014
- Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 disebut “Peraturan-Peraturan Ibu”
- Mengikut kuasa yang diberikan oleh seksyen 53, Akta Bekalan Elektrik 1990;
 - Subseksyen 1 : Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan mana-mana perkara yang ditetapkan di bawah akta;
(Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air)
 - Subseksyen 2 : Perlanggaran peraturan-peraturan merupakan kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih RM 25,000.00 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994



PECAHAN BAHAGIAN & PERATURAN

BAHAGIAN

PERATURAN

1	PERMULAAN	➔	1 - 2
2	PEPASANGAN	➔	3 - 43
3	PENGENDALIAN	➔	44 - 109
4	PENYENGKARAAN	➔	110 - 113
5	PELBAGAI	➔	114 - 123

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG I – PERMULAAN

P1 : Nama dan mula kuatkuasa.

Dinamakan **Peraturan-Peraturan Elektrik 1994**
Kuatkuasa 20 Januari 1994. Peraturan-Peraturan Ibu

P2: Tafsiran

Voltan Amat Tinggi	:	$V > 230 \text{ kV}$
Voltan Tinggi	:	$50 \text{ kV} < V \leq 230 \text{ kV}$
Voltan Sederhana	:	$1 \text{ kV} < V \leq 50 \text{ kV}$
Voltan Rendah	:	$50 \text{ V} < V \leq 1 \text{ kV}$
Voltan Amat Rendah	:	$V \leq 50 \text{ V}$

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 3 -10 : Pendaftaran pemasangan

P3: Permohonan bagi pendaftaran pemasangan

***Tx & Genset**

- Permohonan pendaftaran pemasangan – (Jadual Pertama -Borang A)
 - Perakuan pendaftaran – (Jadual Pertama - Borang B)
- (Tempoh pendaftaran : Tidak kurang 1 tahun dan tidak lebih 5 tahun)

P4 : Fee bagi pendaftaran pemasangan

- **Jadual Kedua – Bhg. I**

P5 : Pemeriksaan dan ujian pemasangan

- Dalam tempoh 21 hari dari tarikh terima Borang A

P6 : Fee bagi pemeriksaan & ujian pemasangan

- **Jadual Kedua – Bhg. II**

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 3 -10 : Pendaftaran pemasangan

P7 : Pembatalan perakuan pendaftaran pemasangan

- Kuasa suruhanjaya

P8 : Lesen bagi pemasangan awam

P9 : Lesen pemasangan persendirian

- Borang F

P10 : Fee bagi pemasangan awam dan persendirian

- Bhg. I_A Jadual Kedua
- Bhg. III Jadual Kedua
- Bhg. III_A Jadual Kedua

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 11-14 : Penyeliaan dan Ujian Pemasangan

- ➔ **P11(1)** - Tiada pendawaian atau pendawaian semula sesuatu pemasangan atau tambahan pd pemasangan sedia ada tanpa kelulusan bertulis drp pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan.
- ➔ **P11(2)** – Cara menghitung permintaan arus maksimum bg pemasangan domestik spt dlm Jadual Ketiga.
- ➔ **P12(1-2)** - Mana2 pendawaian elektrik dlm sesuatu pemasangan yg menerima bekalan drp pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan hendaklah di bawah penyeliaan langsung pendawai. Perlu memperakukan Perakuan Penyeliaan & Penyiapan ([Borang G](#)).

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 11-14 : Penyeliaan dan Ujian Pemasangan

- ➔ **P13(1-2)** – Apabila siap pendawaian atau pendawaian semula, pemasangan itu perlu diuji oleh pendawai dgn kelayakan yg berkenaan & mengesahkan Perakuan Ujian (Borang H).
- ➔ **P13(3)** - Apabila siap pendawaian atau pendawaian semula pd pemasangan yg dikendalikan pd voltan **sedehana**, pemasangan itu perlu diuji oleh Jurutera Perkhidmatan Elektrik yg diambil bekerja sepenuh masa oleh Kontraktor Perkhidmatan Elektrik hendaklah mengesahkan Perakuan Ujian bg pemasangan tersebut.
- ➔ **P14** – Jika tidak mengemukakan Borang G & H kpd pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan, tidak boleh menerima bekalan elektrik atau diberi bekalan elektrik .

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 15 -18 : Bahan, kelengkapan dan kaedah pemasangan

- ➔ **P15(1)** - Mana2 radas, konduktor atau aksesori bg maksud penyambungan kpd sesuatu pemasangan hendaklah dlm saiz, kuasa & bilangan yg mencukupi bg menepati maksud yg dicadangkan & hendaklah dibina, dipasang, disusun, dilindungi, dikerjakan dan disenggarakan sedemikian rupa bg mencegah bahaya.
- ➔ **P15(2)** - Sesuatu konduktor hendaklah ditebat dan dilindungi secara berkesan atau ditempatkan atau dikawal keselamatannya sedemikian rupa bagi mencegah bahaya.
- ➔ **P15(6)** - Mana-mana konduktor atau radas yang terdedah kepada cuaca, air, kakisan, pemanasan yang tak sewajarnya atau digunakan dalam persekitaran yang mudah meletup hendaklah dibina atau dilindungi sedemikian rupa bagi mencegah bahaya.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 16 - Suis, fuis suis, suis fuis, pemutus litar, penyentuh, fuis, dsb.

- (1) Dibina, ditempatkan atau dilindungi mengikut apa=apa cara bagi mencegah bahaya;
- (2) Mana-mana pemutus litar dan penyentuh yang digunakan untuk menukarkan sumber bekalan hendaklah mempunyai kutub-kutub yang termasuk suatu kutub neutral. *change over

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 17 - Janakuasa, motor, pengubah, dsb.

- (1) Mana-mana bhgn j/kuasa, motor, pengubah atau kelengkapan lain yang dikendalikan pada voltan tinggi atau voltan amat tinggi yang boleh dicapai dengan bersahaja oleh seseorang hendaklah dilindungi jika perlu untuk mencegah bahaya;
- (2) Sesuatu motor hendaklah dikawal oleh satu atau lebih peranti mula yang berkesan untuk menghidupkan atau memberhentikannya.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 18 - Cara pengasingan

Dlm suatu sistem elektrik, cara yang berkesan hendaklah diadakan bagi:

- a) mematikan setiap bhg sistem itu;
- b) melindungi setiap bhg sistem daripada arus berlebihan
- c) mematikan setiap caw. sistem agihan tanpa gangguan bekalan kpd sistem yg selebihnya; dan
- d) mematikan setiap subliter sistem pendawaian tanpa gangguan bekalan kpd sistem yg selebihnya.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 19-21 - Pepasangan Papan Suis

- ➔ **P19(1)** - Mudah akses, pameran rajah skematik, konduktor tak bersalut perlu dilindungi, setiap sambungan dilabel.
- ➔ **P19(2)** - Alas getah dengan saiz dan ketebalan yg sesuai hendaklah diletakkan di atas lantai.
- ➔ **P19(3)** - Konduktor tak bersalut yang terdedah diasingkan, dipagar atau dikepung.
- ➔ **P19(4)** - Hanya orang kompeten dibenarkan akses.
- ➔ **P20** - sebelum apaz kerja dimulakan, papan suis hendaklah dimatikan dan dibumikan.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 22-23 - Talian Bekalan Bawah Tanah

- ➔ **P22(2) & P22(3)** – Pemecahan lebu, jalan atau tempat awam bg maksud meletakkan sesalur bawah tanah & sambungan bgnya dan penimbunan serta pembaikan semulanya tidak boleh dibuat kecuali satu notis yg munasabah telah dikeluarkan kpd pihak berkuasa relevan.
- ➔ **P23(2)** – Sesuatu cantuman, sambungan atau penamatan mana2 kabel hendaklah dijalankan oleh Pencantum Kabel.



PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 24-25 - Radas mudah alih secara am

- ➔ **P24(1)** - Suatu kabel fleksibel bg radas mudah alih hendaklah disambungkan kpd sistem dgn cantuman kekal atau palam dan soket yg dibina dgn sempurna.
- ➔ **P26-28 : Pemasangan Papan Tanda Elektrik**
- ➔ **P27(1)** – Suis bomba hendaklah diadakan bg:
 - a) manaz papan tanda elektrik luar; dan
 - b) manaz papan tanda elektrik dalam, yang tidak dijaga

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 26-28 : Pemasangan Papan Tanda Elektrik

P27(2) (b) -Suis bomba; dicat merah, plat nama yg mempunyai perkataan "SUIS BOMBA" huruf besar berwarna putih dan kedudukan ON/OFF hendaklah ditunjukkan dgn jelas, kedudukan OFF di atas dan semua huruf hendaklah mudah dibaca org yg berdiri di atas tanah.



PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 29-33 : Pepasangan Lain

- ➔ **P29** – Apabila terdpt mana2 bhg sistem atau sesuatu pemasangan tidak digunakan, bhg itu hendaklah diasingkan drp punca elektrik dan tidak boleh dibiarkan bertenaga.
- ➔ **P32(4)** – Mana2 papan suis, papan fius, pemutus litar atau radas pengawalan elektrik yg lain (di tempat2 hiburan awam) hendaklah dipasang dgn apaz cara bg mengelakkan drp diakses oleh org selain drp org kompeten atau org yg di bawah penyeliaan langsung oleh org kompeten.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 34-36 : Pembumian Pemasangan

- ➔ **P34(1)** – Manaz penyalut, tudung, peti cantuman, peti suis, peti fius, bingkai gear suis yg berlogam dan rangka dan tapak logam manaz janakuasa, penukar, rektifier dan motor, peti dan teras berlogam bg manaz pengubah.....kecuali yg digolongkan sbg binaan kelas II, **hendaklah dibumikan** secara berkesan.
- ➔ **P34(2) & P34(3)** – Manaz paip air (dan paip gas) yg disambungkan kpd sistem bekalan air (gas) awam tidak boleh digunakan sebagai satu2nya cara membumi.
- ➔ **P34(4)** – Poin neutral sistem arus ulang-alik atau poin tengah sistem arus terus tidak boleh disambungkan ke bumi pd lebih drp satu poin, kecuali dgn kebenaran ST.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 34-36 : Pembumian Pemasangan

P36(1) – Pemasangan di tempat hiburan awam, perlindungan terhadap arus kebocoran bumi bg litar akhir - guna peranti arus baki yg mempunyai arus kendalian baki terkadar **tidak melebihi 10 mA**.

P36(2) – Bg pemasangan yg berkemungkinan lantainya basah atau dinding atau kepingan berintangan elektrik yg rendah, perlindungan terhadap arus kebocoran bumi bg litar akhir - guna peranti arus baki yg mempunyai arus kendalian baki terkadar **tidak melebihi 10 mA**.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 34-36 : Pembumian Pemasangan

- ➔ **P36(3)** – Pemasangan jika kelengkapan, radas atau perkakas yg dipegang dgn tangan digunakan atau mungkin digunakan, perlindungan terhadap arus kebocoran bumi bg litar akhir - guna peranti arus baki yg mempunyai arus kendalian baki terkadar **tidak melebihi 30 mA**.
- ➔ **P36(4)** – Bg pemasangan selain dlm SP(1), (2) dan (3), perlindungan terhadap arus kebocoran bumi bg litar akhir - guna peranti arus baki yg mempunyai arus kendalian baki terkadar **tidak melebihi 100 mA** melainkan:
 - a) atas sebab2 fungsi, adalah tidak praktik utk mengadakan perlindungan itu; atau
 - b) adalah tidak selamat atau berbahaya utk mengadakan perlindungan itu.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 37-40 : Kehendak-Kehendak Am Pepasangan

➔ **P37** – Manaz bhg sesuatu pemasangan yg papan suis atau kelengkapan dipasang di dlm manaz premis:

- a) hendaklah cukup terang, dialih udara & sentiasa kering
- b) hendaklah bebas drp halangan bg membolehkan papan suis atau kelengkapan itu dikendalikan dgn selamat
- c) hendaklah cukup dimensinya bg mengadakan ruang yg cukup bg pengendalian atau penyenggaraan yg selamat; dan
- d) tidak boleh digunakan bg apaz jenis penstoran.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 37-40 : Kehendak-Kehendak Am Pemasangan

- **P38** – Suatu notis standard yg mempamerkan perkataan “DILARANG MASUK” dan “BAHAYA” hendaklah diletakkan di luar tempat yg mengandungi kelengkapan elektrik.
- **P39** – Arahan dlm bahasa kebangsaan tentang cara merawat org yg terkena renjatan elektrik hendaklah dilekatkan pd manaz pemasangan, selain pemasangan domestik.
- **P40** – Alat pemadam api hendaklah disediakan (selain pemasangan domestik) dan disimpan di premis itu utk digunakan pada bilaz masa.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG II – PEPASANGAN

Peraturan 41–43 : Pepasangan Talian Aerial

- ➔ **P41(4)** – Caraz yg berkesan hendaklah diadakan bg memastikan bahawa konduktor talian itu mati selepas ia terjatuh disebabkan terputus atau selainnya.
- ➔ **P41(7)** – Neutral bumi berbilang tidak boleh dipasang kecuali mendapat kelulusan bertulis ST dan tertakluk kpd apaz syarat yg boleh dikenakan oleh ST.
- ➔ **P42(a)** – Suatu talian aerial hendaklah dilindungi daripada kebocoran: tiang konkrit dawai pengikat disambungkan pada kerja logam sokongan kesemua penebat dan ditamatkan pada poin yang paling rendah hendaklah digunakan.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG III – PENGENDALIAN

Peraturan 45-59 : Peperiksaan bagi Orang Kompeten

*kehendak, kelayakan, peperiksaan, fi, sekatan, borang, penggantungan / pembatalan (salah laku serius)

- Jurutera Perkhidmatan Elektrik
- Jurutera Elektrik Kompeten
- Penyelia Elektrik
- Penjaga Jentera
- Pendawai
- Pencantum Kabel

Contoh Borang Perakuan Kekompetenan;


[Borang M – Penjaga Jentera](#)

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG III – PENGENDALIAN

Peraturan 60-65 : Orang Kompeten

P60(1) – Org kompeten utk kerja, kendali atau mempunyai kawalan atas apa2 kerja atau pengendalian sesuatu pemasangan disyorkan oleh orang berikut:



PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG III – PENGENDALIAN

Peraturan 60-65 : Orang Kompeten

- ➔ **P63(3)** – Seseorang, yang memegang satu atau lebih Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan, tidak boleh mendaftar lebih daripada satu majikan atau pemasangan, kecuali mendapat kebenaran ST


- ➔ **P64(1)** – Tiada papan suis, gear suis atau kelengkapan kecuali kelengkapan elektrik yg direkabentuk utk disambungkan kpd soket alir keluar melalui palam, boleh disambung kpd sesuatu pemasangan melainkan di bawah kawalan org kompeten. (2) Tidak menyalahi undang2 bagi seseorang untuk menggantikan mana2 lampu dalam pemasangan domestik.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG III – PENGENDALIAN

Peraturan 66–70 : Pemeriksaan Tetap oleh Orang Kompeten

P67(2) – Bilangan lawatan bg maksud pemeriksaan



PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG III – PENGENDALIAN

Peraturan 66–70 : Pemeriksaan Tetap oleh Orang Kompeten

➔ **P68** – Setiap JPE/JEK/PE yg memeriksa pemasangan di bawah P67, hendaklah merekod dan menghantar dapatan, syor dan arahan kpd ST dan pemunya/pengurusan/pemegang lesen pemasangan dlm masa 2 minggu dr pemeriksaan – Borang I Jadual Pertama.

Buku tentang semua rekod dan laporan yg dibuat hendaklah disimpan dan buku itu hendaklah dibuka bilaz masa apabila diperiksa oleh ST .

➔ **P70** – Manaz JPE/JEK/PE yg memeriksa pemasangan di bawah P67(2), dan mengetahui tentang apaz kecacatan dlm pemasangan itu hendaklah serta-merta beritahu Pemunya/pengurusan /pemegang lesen pemasangan supaya membaiki/menghapus kecacatan itu dan perlu lapor segera kpd ST.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG III – PENGENDALIAN

Peraturan 71-P74 : Pendaftaran Kontraktor Perkhidmatan Elektrik
(Borang P) - SSM, JPE, SOCSO, kelengkapan menguji

Peraturan 75-79 : Pendaftaran Kontraktor Elektrik (Borang Q) - SSM,
Pendawai, SOCSO, kelengkapan menguji

Kelas A: Melebihi 1 Juta

Kelas B: Mencapai 1 Juta

Kelas C: Mencapai 500 Ribu

Kelas D: Mencapai 100 Ribu

Peraturan 80-83 : Pendaftaran Unit Pendawaian Persendirian

Peraturan 84-87 : Pendaftaran Kontraktor Papan Tanda Elektrik

Peraturan 88-91 : Pendaftaran Kontraktor Pembaikan Elektrik

Peraturan 92-96 : Pendaftaran Pengilang Papan Suis

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG III – PENGENDALIAN

Peraturan 97-101 : Kelulusan Kelengkapan

Tiada seseorangpun boleh mengilang, mengimport, mempamer, menjual atau mengiklan: kelengkapan domestik /kelengkapan dijual secara langsung kpd org awam/apaz kelengkapan yg tidak perlu kemahiran khusus dlm pengendaliannya melainkan kelengkapan diluluskan oleh ST.

Peraturan 102-109 : Pembaharuan, Pindahmilik, Pembatalan, Pemotongan dan Pemasukan Semula Perakuan

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG IV – PENYENGGAARAN

Peraturan 110-113 : Penyenggaraan Pepasangan

- ➔ **P110(1)** – Sesuatu pemasangan hendaklah disenggarakan dlm keadaan baik dan berfungsi dan langkah2 awasan hendaklah dipatuhi setiap masa utk mencegah bahaya.
- ➔ **P110(3)** – Sesuatu pemasangan, selain drp pemasangan domestik hendaklah diperiksa dan diuji oleh orang kompeten sekurang-kurangnya sekali setiap lima tahun atau bilaz masa yg diarah oleh ST.
- ➔ **P110(4)** – Manaz geganti dan peranti pelindung sesuatu pemasangan hendaklah diperiksa, diuji dan ditentukur oleh orang kompeten sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun, atau bilaz masa yg diarah oleh ST.

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG IV – PENYENGGAARAAN

Peraturan 110-113 : Penyenggaraan Pepasangan

- ➔ **P111** – Tiada seorangpun, kecuali org kompeten atau yg bertindak di bawah kawalan org kompeten, boleh mengusahakan utk menjalankan apa2 pembaikan, penggantian, penservisan atau pembersihan mana2 kelengkapan yg menjadi sebahagian pemasangan.
- ➔ **P112(1)** – Orang kompeten hendaklah mengambil langkah awasan yg mencukupi utk mencegah mana2 pemasangan atau kelengkapan drp terhidup secara tidak sengaja semasa orang sedang bekerja.
- ➔ **P113** – Tiada kerja atau pengendalian di bawah kawalan org kompeten boleh dimulakan sehingga arahan bertulis telah dikeluarkan oleh org kompeten itu kpd org di bawah kawalannya. *PTW

PERATURAN-PERATURAN ELEKTRIK 1994

BHG V – PELBAGAI

P114-123 : Pelbagai

P122 – Penalti : Kesalahan apabila disabitkan – denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

P123 – Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 1990 adalah dengan ini dibatalkan.

PEKELILING YANG BERKAITAN

PEKELILING PERBENDAHARAAN

PK – PEROLEHAN KERAJAAN

- 1: PUNCA KUASA, PRINSIP DAN DASAR PEROLEHAN KERAJAAN
- 2: KAEDAH PEROLEHAN KERAJAAN
- 3: PEROLEHAN PERUNDING
- 4: PENTADBIRAN KONTRAK DALAM PEROLEHAN KERAJAAN
- 5: PEROLEHAN SECARA ELEKTRONIK
- 6: KEMUDAHAN PEMBIAYAAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN
- 7: PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN
- 8: KETIDAKPATUHAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

DOKUMEN RUJUKAN LAIN

1 - GARIS PANDUAN:

- 1: KETUA PENGARAH KERJA RAYA
- 2: PENGARAH KANAN, CKE JKR MALAYSIA
- 3: EPU, JPM
- 4: CIDB
- 5: UTILITI
- 6: SURUHANJAYA TENAGA (ST)
- 7: TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)
- 8: PENTADBIRAN KONTRAK, CKUB, IP JKR MALAYSIA
- 9: LAIN-LAIN

DOKUMEN RUJUKAN LAIN

2 - UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

- * Fire Barrier (By law 161)
- * Alat Pemadam Api (By law 225 / 226)
- * Lampu Kecemasan & Lampu KELUAR (By law 237)
- * Suis Bomba (By law 240)

3 – PANDUAN TEKNIK 2011

SEKIAN
TERIMA KASIH